

Didik pengasingan sisa pepejal di punca

Pengasingan sisa pepejal di punca adalah proses mengasingkan sisa pepejal yang dihasilkan di punca iaitu di premis, hotel, kilang, perumahan dan sebagainya mengikut komposisi sisa pepejal. Contohnya, kertas, plastik dan lain-lain bahan kitar semula (kaca, seramik, tin aluminium, besi, logam, sisa elektronik, barang elektrik, bahan fabrik, getah, kulit dan sisa berbahaya), dan sisa baki (sisa makanan, lampin pakai buang dan sisa lain yang kotor).

Denda RM1,000 gagal asing sisa pepejal

Bermula Rabu lalu (1 Jun), denda kompaun maksimum sehingga RM1,000 dikenakan kepada mereka yang tidak mengasingkan bahan sisa pepejal.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan, mengumumkan pengasingan sisa pepejal di punca dilaksanakan secara mandatori, sejak 1 September 2015, berdasarkan Peraturan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672). Negeri terbabit termasuk Melaka, Perlis, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah, Johor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Pengarah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Wilayah Persekutuan, Hazilah Gumri berkata, tem-

poh sembilan bulan yang dibekalkan oleh pihak berkuasa kepada orang ramai ternyata memberi perubahan apabila kesedaran orang ramai mengasingkan bahan sisa pepejal di punca mula tunjuk tanda positif.

Tambahan pula inisiatif kitar semula dalam tempoh lima tahun meningkat daripada lima kepada 17 peratus.

Purata jumlah sampah dibuang seorang individu ialah 1.25 kilogram (kg) sehari, terutamanya di bandar besar seperti Kuala Lumpur. Pada 2014, sebanyak 33,000 tan metrik sampah dikumpulkan pada setiap hari, sekali gus menjurus kepada RM1.2 bilion belanja pengutipan sampah.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Halimah Mohamad Sadique, berkata anggaran ini pada asalnya menjadi jangkaan pada 2020, namun ia berlaku tujuh tahun lebih awal. Jika sisa pepejal di punca dibuang ke tempat pelupusan sampah secara berterusan tanpa sebarang kawalan, ia akan semakin membimbangkan kerana setiap tahun kadar sisa pepejal menunjukkan peningkatan ketara.

Oleh itu, melalui pelaksanaan pengasingan sisa bahan pepejal di punca oleh pihak berkuasa, usaha mereka untuk mengurangkan kadar jumlah pembuangan sampah

di Malaysia dapat diatasi kerana orang ramai mula mengasingkan sampah mengikut kategori, sama ada sisa pepejal yang boleh dikitar semula ataupun sisa baki.


Sisa baki perlu dilupus

Sisa baki itu perlu dibuang dan dilupuskan di tempat pembuangan sampah manakala sisa pepejal yang boleh dikitar semula akan diasingkan mengikut jenis sisa. s

Di samping itu juga, pelaksanaan ini dapat mengurangkan peruntukan wang negara untuk proses pelupusan sisa pepejal kerana dianggarkan jumlah bahan kitar semula ke tapak pelupusan sampah setiap tahun adalah 2.3 juta tan dengan anggaran nilai mencecah RM900 juta.

Melihat kepada angka dilabur pihak berkuasa untuk melupus sampah, ternyata merugikan negara kerana berbelanja semata-mata untuk pelupusan sampah sahaja.

Pengasingan pembuangan sisa pepejal dapat mengelak pembuangan bahan yang boleh dikitar semula kerana ia boleh dijadikan produk semula.

 **Nur Syafikah Md Saad**
Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia.

Fakta
nombor

1.25KG

PURATA

jumlah
sampah dibuang
individu di KL

RM1,000

DENDA

kompaun maksimum
boleh dikenakan

[GAMBAR HIASAN]



Denda kompaun maksimum sehingga RM1,000 akan dikenakan kepada penduduk yang gagal mengasingkan sisa pepejal mereka mengikut kategori ditetapkan.